



ISLAMIC RELIEF MALAYSIA

3 Julai 2020
Untuk Hebahan Segera

KENYATAAN MEDIA

ISLAMIC RELIEF GESA BANTUAN KEMANUSIAAN UNTUK YAMAN

Bangi – 24.3 juta orang bersamaan 80 peratus daripada jumlah keseluruhan 30.5 juta populasi penduduk Yaman dijangka terus memerlukan bantuan kemanusiaan sekiranya konflik peperangan di negara tersebut masih berlarutan.

Yaman, antara salah satu negara termiskin di wilayah Arab berdepan krisis kemanusiaan paling buruk sejak konflik bersenjata bermula pada Mac 2015. Krisis selama 5 tahun itu telah memusnahkan kebanyakan infrastruktur di Yaman termasuk pusat-pusat kesihatan dan melumpuhkan akses keperluan asas seperti makanan, kesihatan, nutrisi, penempatan, pendidikan, air & sanitasi serta jaringan keselamatan sosial.

Bukan itu sahaja, konflik berpanjangan itu juga turut menyebabkan lebih 100,000 orang maut, lebih 3 juta penduduk Yaman menjadi pelarian di negara sendiri, 20.1 juta rakyat menderita kelaparan, manakala 3 juta lagi kanak-kanak, wanita mengandung dan ibu menyusui kekurangan nutiri makanan dan gizi seimbang.

Lebih memburukkan keadaan, wabak kolera masih berlarutan dan terbaharu, penyebaran Covid-19 turut menjangkiti penduduk Yaman sehingga mengakibatkan kematian.

Sehubungan itu, pada 23 Jun 2020, Islamic Relief Malaysia telah melancarkan kempen Dariku Untukmu...Selamatkan Mereka! YAMAN bertujuan untuk mengumpul dana sebanyak RM300,000 bagi membantu rakyat Yaman.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia, Zairulshahfuddin Zainal Abidin, bantuan yang bakal diberikan menjurus kepada tiga sektor utama iaitu makanan, air, sanitasi & kebersihan serta barangan bukan makanan (NFIs).

“Pada ketika ini, seluruh pejabat pengumpulan dana Islamic Relief sedang giat menjalankan kempen bantuan untuk Yaman bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai isu dan situasi semasa yang berlaku di Yaman sekaligus mengumpul dana bagi membantu mereka yang terjejas di sana.

“Situasi yang semakin memburuk di Yaman menyukarkan penduduk Yaman untuk mendapatkan bekalan makanan apatah lagi sumber air yang bersih. Justeru, sebagai rakyat Malaysia yang prihatin, ayuh bersama-sama kita menyumbang untuk kelangsungan hidup mereka,” katanya.

Sementara itu, dalam kenyataan bersama Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Worldwide, Naser Haghamed, situasi Covid-19 memburukkan lagi keadaan apabila jutaan rakyat Yaman tidak lagi dapat bekerja bagi menampung kehidupan akibat pelaksanaan langkah pencegahan yang ketat.

“Saya masih ingat lagi ketika saya melawat Yaman tahun lalu. Kanak-kanak yang saya temui kelihatan sangat lemah dan ada juga yang menangis kerana terlalu lapar. Sedangkan kaum ibu pula kekurangan zat makanan untuk menyusui anak mereka. Sehingga kini, wajah-wajah mereka masih menghantui diri saya.

“Sejarah tidak akan melupakan atau memaafkan kita. Kita mempunyai semua kekuatan termasuk kewangan, teknologi dan sumber lain untuk mengakhiri konflik ini, tetapi kita belum lagi memenuhi piawai asas kemanusiaan dan martabat manusia. Hanya penyelesaian yang adil dan berpanjangan yang dapat membawa perubahan dan membantu untuk memastikan rakyat Yaman akhirnya dapat mengakhiri penderitaan mereka,” tambah Naser.

Bantuan Islamic Relief di Yaman 2019

Islamic Relief telah memberi bantuan kepada lebih 3.4 juta orang di Yaman pada tahun 2019 meliputi bantuan makanan, air, sanitasi & kebersihan, penjagaan kesihatan & nutrisi, penjagaan anak yatim & kebajikan kanak-kanak, barangan bukan makanan serta kehidupan melibatkan keseluruhan 69 projek.

Sektor	Bilangan Penerima Manfaat	Bilangan Projek
Keselamatan Makanan	2,386,262	4
Makanan & Kehidupan Mampan	419,913	32
Kesihatan	22,475	13
Nutrisi	445,152	4
Penajaan Anak Yatim & Kebajikan Kanak-Kanak	57,400	6
Air, Sanitasi & Kebersihan	76,662	10

Kisah Ahmed

"Ketika serangan udara berlaku, kami berjaya melarikan diri dari kampung dengan hanya pakaian yang ada di badan kami. Kami berjalan jauh sebelum ada insan yang sudi membawa dan menurunkan kami di kota Al-Hudaidah." – Ahmed, 55 tahun.

Ahmed dan keluarga terpaksa meninggalkan kediaman mereka di kampung Mandhar akibat satu serangan udara sehingga memusnahkan rumah mereka. Lebih mendukacitakan, kesemua harta benda mereka telah dicuri. Kini, Ahmed dan sembilan ahli keluarganya menumpang di sebuah rumah sewa satu bilik di kota tersebut.

Ahmed telah menganggur selama 18 tahun dan mempunyai kecacatan di tangan kiri. Ahmed tidak dapat menggerakkan tangan kiri dan memerlukan pembedahan sementara isterinya juga mengalami masalah kesihatan namun Ahmed tidak mampu membiayai kos rawatan mereka berdua.

Ahmed dan keluarganya merupakan penerima bantuan makanan setiap bulan daripada Islamic Relief dengan kerjasama Program Makanan Sedunia (WFP).

Sebarang sumbangan atau bantuan untuk projek kemanusiaan Yaman boleh dilakukan di laman sesawang Islamic Relief Malaysia, www.islamic-relief.org.my atau untuk maklumat lanjut, boleh hubungi talian tetap, +603-8926 3434.

Mengenai Islamic Relief

Islamic Relief merupakan sebuah organisasi bantuan dan pembangunan kemanusiaan antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1984 dan beribu pejabat di Birmingham, United Kingdom. Islamic Relief berkhidmat di lebih 45 buah negara dan telah membantu lebih daripada 120 juta orang sejak beroperasi. Skop bantuan Islamic Relief merangkumi bantuan kecemasan, pembangunan mampan bersepadu, pengurangan risiko bencana dan advokasi.

Mengenai Islamic Relief Yaman

Islamic Relief mula beroperasi di Yaman sejak tahun 1998 dan mempunyai sebuah pejabat berdaftar pada tahun 2003. Bantuan dan program mula dipertingkatkan dengan ketara berikutan peningkatan konflik pada bulan Mac 2015.

Islamic Relief beroperasi di 19 daripada 22 wilayah kerajaan, menyampaikan bantuan ke pelbagai kawasan yang sukar diakses. Islamic Relief mempunyai pejabat utama di ibu kota, Sana'a, serta lapan sub-pejabat di Dhamar, Amran, Aden, Taiz, Hodeida, Saada, Maarib dan Rymah.

Bantuan kecemasan dan pembangunan yang dilaksanakan Islamic Relief selama lebih 20 tahun termasuk bantuan makanan, air dan sanitasi, penjagaan kesihatan, penjagaan anak yatim dan latihan vokasional untuk belia telah memberi manfaat kepada berjuta-juta orang selama tiga tahun terakhir.

Mengenai Islamic Relief Malaysia

YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad telah merasmikan penubuhan Islamic Relief Malaysia pada tahun 2005, bertujuan untuk meneruskan bantuan kemanusiaan Islamic Relief di rantau Asia-Pasifik. Kini, Islamic Relief Malaysia berperanan sebagai pejabat penjanaan dana dan pelaksana projek tempatan dan antarabangsa.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program kemanusiaan Islamic Relief Malaysia, sila layari laman web rasmi www.islamic-relief.org.my atau hubungi talian tetap 03-8926 3434.

Sebarang sumbangan boleh disalurkan melalui akaun berikut atas nama Islamic Relief Malaysia:

MAYBANK ISLAMIC | 5621 4270 8704

MBSB BANK | 1005 0251 0000 0166

CIMB ISLAMIC | 860 2073818

BANK ISLAM | 12 029 01 006564 3

AFFIN ISLAMIC | 10 671 000278 4

BANK RAKYAT | 11080 10000 35

atau melalui :

CHARITY SHOPPE | TUNAI atau KAD KREDIT

Zairulshahfuddin Zainal Abidin,

Ketua Pegawai Eksekutif
Islamic Relief Malaysia

- Tamat-

Dikeluarkan oleh,
Islamic Relief Malaysia-Reg No: 657354-W
A-05-1, Paragon Point, Jalan Medan PB5, Seksyen 9,
Pusat Bandar, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Bahagian Komunikasi Strategik**
di talian 03-8926 3434, faks 03-8925 3434 atau
emel: Malaysia.Media@islamic-relief.org.my
Aduan atau maklum balas: feedback.irmalaysia@islamic-relief.org.my atau
WhatsApp: [+6019-630 9788](https://wa.me/60196309788)